

Sokong kerajaan buka tempahan dapatkan vaksin Vaxzevria

May 2, 2021



KUALA LUMPUR: Langkah kerajaan melalui Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di dalam mendapatkan vaksin sekurang-kurangnya 80 peratus daripada rakyat adalah bertepatan dengan amalan yang dilakukan di seluruh dunia.

Pengerusi Lajnah Kesihatan PAS Pusat, Dr Mohd Mazri Yahya berkata, kesan pandemik yang melibatkan dunia pada hari ini menyebabkan tiada satu pengeluar vaksin dapat membekalkan jumlah yang banyak dalam waktu yang singkat.

Katanya, isu yang berlegar di media maya berhubung dengan kesan sampingan vaksin Vaxzevria yang dikeluarkan oleh syarikat Farmaseutikal AstraZeneca dengan kerjasama Universiti Oxford telah disebar secara berlebihan tanpa berdasarkan bukti sains.

“Sehingga hari ini data-data perubatan menunjukkan kebaikan vaksin tersebut jauh melebihi keburukannya,” ujarnya dalam kenyataan, hari ini.

Menurutnya, penyumbatan saluran darah yang dilaporkan berlaku adalah sekitar 1 dalam 100,000 penerima iaitu 0.001 peratus, jauh lebih kecil berbanding 2.9 juta kematian daripada 139 juta orang yang dijangkiti Covid-19 iaitu sekitar dua peratus.

TEMPAHAN
untuk mendapatkan
SUNTIKAN VAKSIN ASTRAZENECA
akan **dibuka** pada

2 MEI 2021 (AHAD) 12 TGH HARI
di **www.vaksinovid.gov.my** *

Tempahan berdasarkan kaedah *first-come, first-served*

SYARAT TEMPAHAN

- 18 tahun ke atas
- Hanya untuk yang telah mendaftar untuk vaksinasi di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) sebelum ini
- Tinggal di Kuala Lumpur atau Selangor

* *Sila pastikan anda melengkapkan diri dengan maklumat yang tepat sebelum membuat tempahan.*



**LINDUNG DIRI,
LINDUNG SEMUA.**

 **JAWATANKUASA KHAS JAMINAN AKSES
BEKALAN VAKSIN COVID-19 (JKJAV)**

Justeru, ujar beliau Lajnah Kesihatan PAS Pusat menyokong usaha kerajaan untuk membuka tempahan dalam kalangan rakyat untuk mendapatkan suntikan vaksin Vaxzevria keluaran Astrazeneca itu.

“Bagi menyahut usaha tersebut, PAS menggalakkan setiap ahli PAS di Selangor dan Wilayah Persekutuan untuk bersama-sama mendaftarkan diri secara sukarela untuk proses vaksinasi tersebut,” ujarnya lagi. –

HARAKAHDAILY 2/5/2021

share & sebarkan:

